

# Jalanan komuniti-MRT Corp

**D**alam usaha memberi kesedaran masyarakat terhadap projek My Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang, Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) menganjurkan aktiviti komuniti setempat iaitu pertandingan mewarna di Kota Damansara.

Acara tersebut disertai 50 kanak-kanak berusia antara lima hingga enam tahun dari Taska Mama, Tadika Naluri Bestari, Tadika Cahaya Al-Taqwa serta anak dari kejiwaan mengambil bahagian dalam pertandingan ini untuk mewarnai lukisan kereta api MRT dalam tempoh satu setengah jam.

Pemenang hadiah pertama membawa pulang trofi mini dan baucar Jusco bernilai RM100, diikuti pemenang tempat kedua menerima trofi mini dan baucar Jusco bernilai RM50 dan tempat ketiga, trofi mini dan baucar Jusco bernilai RM30.

MRT Corp juga melancarkan satu kempen kitar semula selama sebulan, bersama organisasi bukan kerajaan (NGO) alam sekitar, Pertubuhan Amal Seri Sinar bagi menggalakkan dan mengukuhkan tabiat kitar semula dalam kalangan orang ramai. Sepanjang tempoh kempen, peti kitar semula diletakkan di hadapan pusat maklumat MRT di Kota Damansara bagi mengumpul pakaian dan mainan lama daripada masyarakat.

Pengarah Perhubungan Pihak

Berkepentingan & Tanah MRT Corp, Haris Fadzilah berkata, pertandingan mewarna dan kempen kitar semula ini adalah sebahagian daripada usaha MRT Corp untuk menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan untuk meningkatkan pengetahuan serta kesedaran mengenai MRT.

Menurutnya, acara komuniti menyatukan kalangan masyarakat dan syarikat dan sebagai platform berkomunikasi dengan orang ramai mengenai bagaimana MRT boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara dalam jangka masa panjang, dan memperbaiki cara rakyat hidup, bekerja dan bersantai di Lembah Klang.

"MRT adalah mesra alam kerana ia mengurangkan pelepasan karbon yang terhasil melalui penggunaan kenderaan persendirian.

"Kempen kitar semula ini adalah contoh komitmen kami untuk memberi motivasi kepada

orang ramai untuk memelihara alam sekitar dan mengurangkan sisa dengan cara yang paling mudah," tambah Haris.

Pusat maklumat MRT dibuka kepada orang ramai dari jam 10 pagi hingga 6 petang, Isnin hingga Jumaat dan dari jam 10 pagi hingga 2 petang pada Sabtu di lokasi berikut:

1. **Kota Damansara - A-9-G, Jalan Teknologi 3/9, Bistari De Kota, Seksyen 3, Kota Damansara.**



Haris (empat, kiri) bersama pemenang pertandingan mewarna, Fithriya Alyaa Shafia Faizd Hirzan (tempat kedua), Aimi Fatini Azhar Ahzam (tempat pertama) dan Kamiliya Zainudin (tempat ketiga).

2. **Taman Tun Dr Ismail - A-1-11, Ground Floor, TTDI Plaza, Jalan Wan Kadir 3, Taman Tun Dr Ismail.**
3. **Bandar Tun Hussein Onn - 9A, Ground Floor, Jalan Suarasa 8/3, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras.**
4. **Kajang Town - 11-G, Jalan Metro Avenue 1, Kajang.**
5. **KL Sentral - KL Sentral Station, 10 (Arrival Hall), Level 2, KL City Air Terminal, KL Sentral Station.**

Orang ramai juga boleh mengetahui dengan lebih lanjut mengenai MRT melalui kios maklumat MRT mudah alih yang kini terletak di Cheras Leisure Mall dan Bukit Bintang Plaza sehingga hujung bulan ini. Atau hubungi 'hotline' MRT di talian 1 800 82 6868 atau layari [www.kvmrt.com.my](http://www.kvmrt.com.my) untuk sebarang pertanyaan.

Mereka juga boleh mengemukakan pandangan mereka melalui identiti *Twitter*, @MRTMalaysia.